

TEMA 8 PERAYAAN

Situasi 8.2 Suasana Hari Raya

Latar tempat : Sebuah rumah terbuka hari raya

Hakim : Assalamualaikum...

Ahmad : Waalaikumsalam.

Hakim : Selamat Hari Raya, Ahmad.

Ahmad : Selamat Hari Raya, Hakim

Hakim : Wah, cantiknya baju raya awak.

Ahmad : Terima kasih. Awak pun sama.
Jemputlah masuk ke dalam rumah saya.

Hakim : Wah! Meriahnya.

Ahmad : Semua jiran tetangga saya datang. Ahli keluarga saya pun datang. Jiran tetangga pun ramai yang datang.

Hakim : Di mana emak dan ayah awak?

Ahmad : Emak saya di dapur. Ayah sedang memberi duit raya kepada kanak-kanak.
Silakan menjamu selera.

Hakim : Terima kasih.
Wah, banyaknya makanan. Ada nasi himpit, lemang, rendang, kuih raya, dodol, bahulu, dan sate. Wah, sedapnya.

Ahmad : Ya, jemputlah makan.

Hakim : Terima kasih.